

PROGRAM PENDIDIKAN KHAS (PEKAK) DI INSTITUSI PENDIDIKAN
TEKNIKAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

MOHAMAD REDUAN BIN HUSSAIN

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Teristimewa buat keluarga serta orang tersayang...

Ibu, Kakak dan Abang

Jutaan terima kasih atas segala dorongan dan kasih sayang yang dicurahkan. Segala pengorbanan dan jasa kalian akan tetap dikenang. Berkat doa dan harapan yang diimpikan, semoga menjadi kenyataan. *INSYA-ALLAH*



PT AL-ITIM
PERPUSTAKAAN TINGKAT MINAH

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas segala limpah dan kurnia-Nya melapangkan diri ini menimba ilmu hingga membolehkan saya menyiapkan kajian ini untuk memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Pada kesempatan ini, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih, penghargaan yang sungguh ikhlas kepada pensyarah pembimbing iaitu PM. Dr. Wan Mohd Rashid B. Wan Ahmad yang telah bersusah payah membantu, membimbing dan memberi tunjuk ajar yang cukup berguna di dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Begitu juga kepada guru dan pensyarah Politeknik Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Politeknik Johor Bahru, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan SM Teknik Jalan Stadium iaitu Cik Suaiza Bt. Khairi, En. Zawawiv B. Abdul Aziz dan Cikgu Ramlee b. Shaari. Kerjasama yang kalian berikan amat berharga dan tinggi nilainya. Tidak dilupakan guru-guru dan pensyarah yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini kerana telah banyak memberikan kerjasama serta bantuan dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk menghasilkan kajian ini.

Ucapan terima kasih ini juga ingin disampaikan kepada rakan-rakan seperjuangan (Sarjana PTV, Seksyen 2 2002/2003) yang telah banyak membantu dan memberi dorongan. Bantuan dan dorongan yang tidak putus-putus bermula dan awal hingga akhir semestar cukup besar maknanya buat saya.

Akhir sekali penulis ingin mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga ini kepada Bonda tersayang (Fatimah Bt. Salleh) kerana dorongan dan pengorbanan yang diberikan selama tempoh penulis belajar tiada tolok banding ertinya. Buat orang yang telah banyak membantu dan penguat semangat ini, Afizah Bt. Yusoff, kehadiranmu tatkala daku membuat kajian ini adalah penyuntik semangat kejayaan. dan menambahkan kekuatan untuk menyiapkan kajian ini dengan sebaik mungkin. Pengorbanan kalian kusanjung hingga ke akhir hayat. Semoga Allah sentiasa melindungi dan memberkati segala usaha kita selama ini. *Amin.*

ABSTRAK

Kajian mengenai Program Pendidikan Khas (pekak) Di Institusi Pendidikan Teknikal Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti samada terdapat perbezaan antara guru yang mengajar pelajar khas (pekak) dengan guru teknikal biasa dari aspek perspektif, pengetahuan serta kemahiran yang berfokuskan kepada gaya pembelajaran dalam mengelola dan melatih pelajar khas (pekak) teknik dan vokasional. Sampel kajian terdiri dari 60 orang guru teknikal dari empat buah institusi pendidikan teknikal Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Politeknik Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Politeknik Johor Bahru, Johor, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan SM Teknik Jalan Stadium, Kedah. Maklum balas yang diperolehi dari borang soal selidik dianalisis menggunakan statistik diskriptif dan statistik inferensi. Hasil analisis diskriptif dipersembahkan dalam bentuk skor min untuk mengenalpasti tahap perspektif dan pengetahuan guru serta pensyarah dalam kajian ini. Manakala statistik inferensi menggunakan ujian-t untuk menentukan samada terdapat perbezaan antara guru pendidikan khas (pekak) teknikal dengan guru teknikal biasa. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan antara guru yang mengajar pelajar khas (pekak) dengan guru teknikal biasa dari aspek gaya pembelajaran yang diamalkan. Hasil daripada analisis diskriptif menunjukkan, lebih daripada 50% responden dalam kajian tidak mengetahui mengenai program pendidikan khas (pekak) ini terutamanya guru atau pensyarah yang tidak terlibat dengan program ini.

ABSTRACT

The purpose of this study entitled Special Education (deaf) Program in The Institution of Technical Education was to identify the differences in teaching method between technical teachers and special education's teachers. 60 technical teachers from four (4) Polytechnics , namely is Politeknik Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Politeknik Johor Bahru, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah and SM Teknik Jalan Stadium, Kedah, had been selected as the sample of this research. Feedback from the questionnaires was analyzed using descriptive statistic and inferential statistic. For the descriptive analysis, mean scores method was used while the t-test method was used for the inferential analysis. From the analyses, the findings revealed that there were differences in teaching method between special teachers and technical teachers. Teachers also have different perspectives about this program. However majority of teachers agreed that they need to motivate their special students, so that the program would be a success.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Tujuan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Soalan Kajian	6
	1.7 Skop Kajian	7
	1.8 Batasan Kajian	7
	1.9 Kepentingan Kajian	8

1.10	Kerangka Teori Kajian	9
1.11	Definasi Istilah	10

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendidikan Untuk Golongan Kurang Upaya	13
2.2	Keperluan Pendidikan Khas Untuk Golongan Kurang Upaya	16
2.3	Matlamat Pendidikan Khas	19
2.4	Perkembangan Program Pendidikan Khas di Malaysia	21
2.5	Pendidikan Khas Dalam Pendidikan Teknik & Vokasional	24
2.6	Program Pendidikan Percantuman (bersepadu)	27
2.7	Program Untuk Pelajar Pekak dan Bisu	28
2.8	Peranan Guru Pendidikan Teknik dan Vokasional	30
2.9	Pembentukan Kurikulum Pendidikan Khas	33
2.10	Kemahiran Guru Pendidikan Khas	35
2.11	Kekangan Proses Perkembangan dan Peningkatan Kualiti Program Pendidikan Khas	38

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan Kepada Metodologi	40
3.2	Rekabentuk Kajian	42
3.3	Populasi	43
3.4	Sampel Kajian	44
3.5	Instrumen Kajian	45
3.6	Pembentukan Instrumen Kajian	46
3.6.1	Soal Selidik	47
3.6.2	Kajian Rintis	50

3.7	Pengumpulan Data	52
3.8	Analisis Data	54
3.9	Andaian	57

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	58
4.2	Keputusan Bahagian A : Kefahaman dan Pengetahuan Guru Serta Pensyarah	59
4.3	Keputusan Bahagian B : Perspektif Guru Serta Pensyarah Mengenai Program Ini	63
4.4	Keputusan Bahagian C : Gaya Pembelajaran Guru Serta Pensyarah	67
4.4.1	Analisis Gaya Kemahiran Guru / Pensyarah	68
4.4.2	Analisis Gaya Perancangan Guru / Pensyarah	70
4.4.3	Analisis Gaya Penilaian Guru / Pensyarah	72
4.5	Keputusan Bahagian D : Guru Serta Pensyarah Sebagai Motivator	74

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	77
5.2	Dapatan dan Perbincangan	78
5.2.1	Tahap Kefahaman dan Pengetahuan Guru Serta Pensyarah	78
5.2.2	Tahap Perspektif Guru Serta Pensyarah Mengenai Program Pendidikan Khas (pekak) Teknik dan Vokasional	83

5.2.3	Gaya Pembelajaran Antara Guru Pendidikan Khas (pekak) Teknikal Dengan Guru Pendidikan Teknikal Biasa	86
5.2.4	Peranan Guru serta pensyarah Sebagai Motivator	88
5.3	Kesimpulan	92
5.4	Cadangan	93
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	94

BIBLIOGRAFI

95

LAMPIRAN A

102

LAMPIRAN B

114



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	9
3.1	Kerangka Operasi Bagi Pembentukan Instrumen Kajian	47
3.2	Proses Pengumpulan Data	53
4.1	Tahap Kefahaman dan Pengetahuan Pendidik	63
4.2	Tahap Perspektif Pendidik	66
4.3	Tahap Motivator Pendidik	76



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Sampel Kajian	45
3.2	Darjah Persetujuan Bagi Item Positif dan Negatif	50
3.3	Nilai Ketekalan Instrumen	52
3.4	Nilai Min dan Tahap Pengukuran	55
4.1	Kefahaman dan Pengetahuan Guru Serta Pensyarah berkaitan dengan sistem pendidikan di Negara ini terutamanya berhubung dengan Pendidikan Khas (pekak) Teknik dan Vokasional	60
4.2	Perspektif Guru Serta Pensyarah Mengenai Program Pendidikan Khas (pekak) Teknik dan Vokasional Di Institusi Pendidikan Teknikal	64
4.3	Jumlah Skor Gaya Kemahiran	68
4.4	Kaedah Pengujian t-Tidak Bersandar Untuk Gaya Kemahiran Guru / Pensyarah	69
4.5	Jumlah Skor Gaya Perancangan	70
4.6	Kaedah Pengujian t-Tidak Bersandar Untuk Gaya Perancangan Guru Serta Pensyarah	71
4.7	Jumlah Skor Gaya Penilaian	72
4.8	Kaedah Pengujian t-Tidak Bersandar Untuk Gaya Penilaian Guru Serta Pensyarah	73
4.9	Peranan Guru Serta Pensyarah Sebagai Motivator Di Kalangan Pelajar Khas (pekak) Teknik dan Vokasional	74

SENARAI SINGKATAN

ABBM	Alat Bantu Bantuan Mengajar
ICT	<i>Information Computer Technology</i>
IT	<i>Information Technology</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
PDK	Program Pemulihan dalam Komuniti
PUO	Politeknik Ungku Omar
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
SRP	Sijil Rendah Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	102
B	Ketekalan Instrumen Kajian	114



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan manusia di atas muka bumi ini. Di mana pendidikan adalah salah satu kayu pengukur kejayaan seseorang dan jaminan kepada kehidupan yang sempurna.

Pendidikan tidak terbatas pada mana-mana pihak, tidak mengira peringkat umur, tidak menetapkan tempat dan ketika. Setiap masa yang berdetik, sama ada kita sedar atau tidak, proses pendidikan sentiasa terjadi disekeliling kita. Hanya yang membezakan sesuatu pendidikan itu ialah bentuknya, sama ada secara formal atau tidak formal. Seperti kita sedia maklum, setiap kejadian dan anugerah yang kita perolehi di atas muka bumi ini merupakan pemberian dari Allah. Manusia sebagai hamba dan makhlukNya hendaklah bersyukur dan menerima seadanya, takdir yang telah ditetapkan. Setiap manusia inginkan kesempurnaan samada fizikal, rohani atau mental dan tidak ada yang berkehendakan ketidaknormalan pada diri sendiri.

Golongan masyarakat yang tidak normal (cacat) ini, tidak kira dari segi fizikal ataupun rohani, juga merupakan golongan dalam kelompok masyarakat. Tetapi, sebilangan besar golongan dalam masyarakat sering terlupa akan nasib kehidupan golongan cacat ini. Ada yang menganggap mereka yang cacat ini tidak memainkan peranan untuk Negara, hanya meneruskan kehidupan bergantung pada belas kasihan orang lain. Menurut Sukean Hussin (1996), kurangnya pendedahan dan kesedaran menyebabkan kita tidak ingin mengetahui masalah yang dihadapi oleh orang yang tidak normal secara mendalam dan seterusnya membantu meningkatkan keupayaan mereka bersaing dalam masyarakat yang mencabar dan bersifat pertandingan.

Bagi masyarakat yang sedar akan kewujudan golongan yang cacat akan menunjukkan keprihatinan mereka. Keprihatinan itu berpusat kepada beberapa persoalan untuk golongan istimewa ini. Salah satu persoalan yang dianggap penting untuk diutarakan ialah, apakah jenis pendidikan yang mampu menyediakan golongan yang istimewa ini untuk menyara kehidupan mereka sendiri? Dr. Khadijah (2002) dalam kenyataannya menyebut, kanak-kanak istimewa patut diberi peluang belajar di sekolah secara formal kerana ia boleh membantu kerajaan menyediakan tenaga sumber manusia berkualiti suatu masa nanti.

Sebagai pihak yang terlibat dalam mengelolakan sistem pendidikan di Negara ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan Jabatan Pendidikan Khas dibawahnya bagi menguruskan pendidikan untuk golongan istimewa ini agar mereka tidak ketinggalan dalam pendidikan dari golongan yang normal. Di sini kementerian pendidikan telah menyediakan sekolah-sekolah khas untuk golongan istimewa ini. Gearhart dan Weishahn (1980) berpendapat bahawa pendidikan khas ialah subsistem dalam sistem pendidikan, yang bertanggungjawab mengadakan peruntukan kemudahan dan keistimewaan bagi membantu kanak-kanak dan belia yang bersifat luar biasa. Bagi membantu serta memastikan golongan istimewa ini dapat menjalani kehidupan mereka

tanpa bergantung dengan orang lain, kerajaan dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan satu lagi program pendidikan untuk golongan istimewa ini iaitu, Program Pendidikan Khas (pekak) yang bercorakkan teknikal.

Program Pendidikan Khas (pekak) teknikal ini masih diperingkat permulaan perlaksanaannya. Pada masa sekarang hanya terdapat sejumlah empat (4) buah institusi pendidikan teknikal yang melaksanakan program ini. Institusi pendidikan berkenaan ialah Politeknik Ungku Omar, Perak, Politeknik Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Politeknik Johor Bahru, Johor dan SM Pendidikan Khas Vokasional, Shah Alam, Selangor.

1.2 Latar Belakang Masalah

Bagi menggerakkan sistem pendidikan yang dibentuk, salah satu elemen penting dan kritikal dalam sistem pendidikan ialah guru ataupun pendidik. Menurut A. Rahman dan Zakaria (2000) faktor nilai, kemahiran, pengetahuan professional, pengalaman dan hubungan manusia yang dimiliki oleh pendidik, sebahagian besarnya menentukan kualiti peluang pembelajaran yang berlaku kepada pendidikan. Loftis (1979) pula menyatakan, guru ataupun pendidik merupakan faktor utama dalam keseluruhan bidang pendidikan. Guru berperanan menyediakan peluang pembelajaran kepada pelajar, menyelesaikan masalah dan menentukan arah pembelajaran yang hendak ditujui.

Seperti yang kita sedia maklum, bidang pendidikan di Negara kita secara amnya boleh dipecahkan kepada dua (2) iaitu pendidikan am dan pendidikan teknikal. Kedua-dua bidang ini mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk melahirkan masyarakat yang berilmu, celik huruf, celik sains dan lain-lain. Tetapi dari aspek pendekatannya adalah berbeza. Merujuk kepada pendidikan teknikal, ia merupakan kurikulum yang dibentuk untuk melahirkan pelajar yang berasaskan pekerjaan. Maka, cara pendekatan pembelajaran dan pengajarannya adalah berlainan dengan pendekatan pembelajaran dan pengajaran kurikulum pendidikan am. Pada pandangan Snedden (1910), pedagogi pendidikan vokasional seharusnya berbeza daripada pedagogi pendidikan am, terutamanya yang berkaitan dengan penyediaan pelajar untuk pekerjaan yang produktif.

Oleh itu, bagi melaksanakan program pendidikan khas (pekak) dalam bentuk pendidikan teknikal juga memerlukan seorang pendidik itu mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu kerana untuk menangani pelajar normal dengan pelajar yang tidak normal sudah tentunya berbeza. Allen (1912) menyatakan bahawa seorang guru pendidikan vokasional (untuk pelajar normal) mestilah mempunyai ciri-ciri seperti cekap dalam bidang diajar, mengetahui apa yang akan diajar, boleh menyelesaikan masalah dan dapat bekerja secara bijak dengan pelajar remaja atau dewasa serta berpandangan jauh.

Maka, untuk seorang pendidik program pendidikan khas (pekak) teknikal melatih pelajar pekak ini seharusnya memerlukan penambahan kepada ciri-ciri kemahiran yang sedia ada. Penambahannya mungkin merangkumi aspek pedagogi, pengetahuan dan gaya pembelajaran yang mungkin meliputi unsur psikologi, unsur kognitif dan unsur motivasi yang khusus kepada golongan ini.

Disebabkan ciri-ciri pendidik pendidikan teknikal biasa dengan pendidikan khas (pekak) teknikal adalah berbeza, adalah dilihat perlu dikaji mengukur ciri-ciri kemahiran yang perlu dimiliki oleh pendidik dalam program pendidikan khas (pekak) teknik dan vokasional ini. Dengan penambahan aspek-aspek tersebut akan memastikan program pendidikan khas (pekak) teknikal akan mencapai kejayaan yang membanggakan.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan kepada latar belakang masalah yang diutarakan di atas, adalah perlu dilihat ciri-ciri kemahiran dan pengetahuan yang perlu ada oleh pendidik program pendidikan khas (pekak) teknikal? Perkara ini mendorong pengkaji untuk mengenalpasti kemahiran dan pengetahuan yang perlu dimiliki oleh seorang pendidik untuk mengajar pelajar pekak bercorak pendidikan teknikal.

1.4 Tujuan Kajian

Bagi memastikan pelaksanaan program pendidikan khas untuk pelajar pekak bercorak pendidikan teknikal dapat di jalankan dengan jayanya, aspek utama yang perlu diberi penekanan ialah pengetahuan dan kemahiran pendidik. Justeru itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti samada terdapat perbezaan diantara pendidik pendidikan teknikal biasa dengan pendidik pendidikan (khas) teknikal.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk :-

- i. Mengenalpasti bentuk-bentuk kemahiran yang perlu diterapkan dan dimiliki oleh seorang pendidik pendidikan khas untuk melatih pelajar pekak dalam program pendidikan khas teknikal dari aspek pedagogi dan gaya pembelajarannya.
- ii. Mengenalpasti peranan sampingan selain dari proses pengajaran dan pembelajaran yang perlu dilakukan oleh pendidik pelajar pendidikan khas semasa dan selepas waktu persekolahan untuk membimbing pelajaranya.

1.6 Soalan Kajian

Dari pernyataan masalah kajian ini, beberapa soalan kajian telah dihasilkan seperti berikut:-

1. Apakah kefahaman guru mengenai pendidikan teknik dan vokasional dalam program pendidikan khas (pekak) teknikal ?
2. Apakah perspektif guru mengenai pendidikan teknik dan vokasional untuk pelajar pekak ?

3. Apakah gaya pembelajaran yang perlu diamalkan oleh guru program pendidikan khas (pekak) teknikal untuk melatih pelajar khas (pekak) teknik dan vokasional ?
4. Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh guru pendidikan khas (pekak) teknikal bagi mendorong serta memberi semangat kepada pelajar khas (pekak) mengikuti program ini dengan jayanya ?

1.7 Skop Kajian

Bagi kajian ini, pengkaji akan mengenalpasti bentuk kemahiran dan pengetahuan yang perlu dimiliki oleh seorang pendidik untuk melatih pelajar pekak dalam bidang teknik dan vokasional. Bentuk kemahiran yang hendak dikenalpasti adalah dari aspek pedagogi dan gaya pembelajaran.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini akan melibatkan guru-guru yang melaksanakan program pendidikan khas (pekak) dalam bidang teknikal serta guru pendidikan teknikal biasa. Pada masa sekarang terdapat lima buah institusi pendidikan teknikal yang melaksanakan program pendidikan khas ini. Institusi berkenaan ialah Politeknik Ungku Omar, Perak; Politeknik Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Selangor; Politeknik Johor Bahru, Johor; Politeknik Kota Bahru, Kelantan; dan SM Pendidikan Khas Vokasional, Selangor.

Disebabkan oleh jarak dan kekangan masa, pengkaji hanya akan menjalankan kajian di empat buah institusi pendidikan sahaja. Institusi Pendidikan yang terlibat adalah Politeknik Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Politeknik Johor Bahru, Johor Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'Adzam Shah dan SM Teknik Jalan Stadium, Kedah.

1.9 Kepentingan Kajian

Diharap dengan kajian yang dilaksanakan ini akan dapat :

- i. Mengenalpasti bentuk-bentuk kemahiran dan pengetahuan yang perlu dimiliki oleh pendidik program pendidikan khas (pekak) teknikal dan vokasional.
- ii. Memperbaiki kelemahan-kelemahan program pendidikan khas (pekak) teknikal dan vokasional yang dijalankan.
- iii. Dapat memberi gambaran, terutamanya kepada Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO) dalam merancang dan memperkayakan lagi bentuk kemahiran kepada bakal pendidik di bawah program kelolaannya agar penerapan unsur-unsur yang perlu dalam mata pelajaran seperti pedagogi, psikologi dan sosiologi, di mana bakal pendidik di bawah kelolaannya secara tidak langsung akan terlibat dalam menjayakan program ini.

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahman dan Zakaria Kasa (2000). *Falsafah dan Konsep Pendidikan*.
Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Mahdzan Ayob (1995). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Allen. D (1912). *Instruction dalam Falsafah dan Konsep Pendidikan*, Abdul Rahman
dan Zakaria Arof, 2000.

Alias Baba. (1992). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*.
Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Angela Valeo (2003). *Special Education Tribunals in Ontario*. International Journal of
Special Education, Vol.18, No.2 : 18-30.

Ary D. (1979). *Introduction to Research in Education*.
New York: HOH, Renhart and Wiston

Barbara Bolich & T.F McLaughlin (1999). *The Usw Mnemonic Strategies As
Instructional Tools For Children With Learning Disabilities*. International
Journal of Special Education. Vol.16, No.2 : 41-48.

Best.J.W. & Kahn.J.V. (1993) *Research In Education 7th Edition*.
Boston: Allyn and Bacon.

Borg W. R. & Gall M. D. (1983). *Educational Research: An Introduction 4th Edition*.
United States: Longman

Brantlinger, E.A. (1987). *Making Decisions About Special Education Placement: Do Low-income Parents Have The Information They Need?* *Journal of Learning Disabilities*. Vol.20 : 94-101.

Brantlinger, E.A. (1996). *Influence of Preservice Teachers' Beliefs About Pupils Achievement on Attitudes Toward Inclusion*. *Teacher Education and Special Education*. Vol.19 : 17-33.

Cantrell, D. (1993). *Alternative Paradigms in Environmental Education Research*.
International Journal of Special Education. Vol.11, No.3 : 150-170.

Chua Tee & Koh Boh Boon (1992). *Pendidikan Khas dan Pemulihan: Bacaan Asas*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Casey, K. (1994). *Teaching Children With Special Needs*. Wentworth Fall, NSW :
Social Science Press.

Conduis, M.M., Marshall, K.J. & Miller, S.R. (1986). *Effects of the Keyword Mnemonic Strategy on Vocabulary Acquisition and Maintenance by Learning Disabled Children*. *Journal of Learning Disabilities*. Vol.19 : 609-613.

Cotrell, C.J. (1971). *Vitalizing Teacher Education: Challenger of the Seventies*, dalam
Contemporary Concepts in Vocational Education: First Yearbook of the American Vocational Association, American Vocational Association: Washington, D.C.

Cooper D. R. & Schindler P. S. (1998). *Business Research Methods 6th Edition*.
Singapore: Irwin McGraw Hill

- Datuk Dr. Fong Chan Onn dalam Nizam (2003). *Sasaran 5000 OKU Masuki Pasaran Kerja 2003*. http://www.epekak.net.my/akhbar/2003/03_oku_job_1.htm : 20/02/2004.
- Dato' Dr. Hajah Siti Zaharah Sulaiman (2001). *Perasmian Hari OKU Peringkat Kebangsaan Ke-7*. http://www.geocities.com/nial4_my/dsnesources/ds_speed_OKU7.htm : 21/02/2004.
- Diana Lovingfoss, Dawn Eddy Molly, Karen R. Harris, Steve Graham (2001). *Preparation, Practice and Program Reform: Crafting the University of Mayland's Five-Year, Multicategorical Undergraduate Program in Special Education*. *Journal of Special Education*. Vol.16 : 20-32.
- Dr. Mahathir Mohamad (2002). *Ucapan Majlis Persidangan Ekonomi Orang Kurang Upaya Pertama Kebangsaan*. <http://www.prno.gov.my/WebNotesApp/PMMain.nsf/0/lab79705cc7bb28248256cle000dddes?OpenDocumen> : 21/02/2004.
- Dr. Siti Hasmah Bt. Hj. Mohd Ali (2002). *Majlis Penutup Sambutan Open Minds 2002*. <http://www.pmo.gov.my/WebNotesApp/isteripmmain.nsf> : 20/02/2004.
- Dewey, J., (1913). *Experience and Education*. Macmillan, New York. dalam Falsafah dan Konsep Pendidikan, Abdul Rahman dan Zakaria Arof ,2000.
- Evan, R.N (1971). *Foundation of Vocational Education*. Charles E. Merrill Pub. Co. Columbus dalam Falsafah dan Konsep Pendidikan, Abdul Rahman dan Zakaria Arof ,2000.
- Fawson, E.C and Smellie, D.C (1990). *Educational Technology*. Technology Transfer: A Model For Public Education.

- Ferguson, D.L. & Ralph, G.R. (1996). *The Changing Role of Special Educators: A Development Waiting for Change*. Contemporary Education. Vol.68 : 49-51.
- Garza (1999) dalam Diana et.al, 2001. *Preparation, Practice and Program Reform: Crafting the University of Maryland's Five-Year, Multicategorical Undergraduate Program in Special Education*. International Journal of Special Education. Vol.16 : 20-32.
- Gearhart, B.R dan Weishann, M.W (1980). *The Handicapped Student in The Regular Classroom*. London: G.V Mosloy.
- Goodlad, J.I. & Field, S. (1993). *Teachers for Renewing Schools. Integrating General and Special Education*. New York : Macmillan.
- Haji Yahya Emat (1993). *Cabaran dan Strategi Pendidikan Teknik dan Vokasional ke Arah Mencapai Wawasan 2020, Malaysia*. Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia : Jilid 37/78 Jun.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2002). *Keistimewaan dan Kemudahan Kepada Golongan Kurang Upaya*. <http://jkm.gov.my/mel/perkhidmatanoku.htm> : 20/02/2004.
- Kavale, K. & Forness, S. (1985). *The Science of Learning Disabilities*. San Diego : College Hill Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1982). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kerlinger, K.N. (1973). *Foundation of Behaviorial Research 3rd Edition*.
New York : Holt-Rhinehart.

Laman Web Jabatan Pendidikan Khas (KPM).
<http://www.moe.gov.my/jpk.htm>

Loftis, H.A (1979). *An Exemplary Model for Change dalam Vokasional Instructio*,
American Vocational Association. Arlington, VA.

Lombardi, T.P & Hunka, N.NJ. (2001). *Preparing General Education Teacher for Inclusive Classrooms: Assessing the process*. Teacher Education and Special Education. Vol.24 : 183-197.

Marshall (1990) dalam Angela Valeo, 2003. *Special Education Tribunals In Ontario*.
International Journal of Special Education, Vol 18, No : 18-30.

Md. Salleh Lebar (2000). *Pentadbiran Pendidikan dan Pendidikan Di Malaysia*.
Kuala Lumpur: Acmate Snd. Bhd.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Pertama.
Skudai: Universiti Teknologi Malaysia

Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan
Bahasa dan Pustaka

Netty Ah Hiyer (2003). *Golongan Istimewa dan Cabaran Globalisasi*.
Dewan Siswa : Ogos, 8-10.

Newcomb, L.H (1979). *The Humanistic Teacher dalam Vocational Instruction*.
American Vocational Association, Arlington, VA.

Nordin (2000). *Pendidikan dan Wawasan 2020*.

Kuala Lumpur : Arena Ilmu Sdn. Bhd.

Peter S. Westwood (1999). *Making Special Schools Ordinary: Is This Inspirational Or Confused Thinking?* International Journal of Special Education.

Vol.16 : 7-19.

Robiah Sidin (1994). *Pendidikan di Malaysia*.

Kuala Lumpur : Fajar Bakti.

Snedden, D (1910). *The Problem of Vocational Education dalam Falsafah dan Konsep Pendidikan*, Abdul Rahman dan Zakaria Arof, 2000.

Sukean Hussin (1996). *Pendidikan di Malaysia : Sejarah, Sistem dan Falsafah*.

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sutara, S.D. (1985). *Specific Learning Disabilities: Nature and Needs*. Springfield, IL :

Charles. E Thomas.

Syarifah Alwiyah Alsagof (2000). *Falsafah Pendidikan*.

Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.

Syed Arabi Idid (1993). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*.

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Syuhada Choo Abdullah (2001). *Pendidikan Khas Guna Bahasa Inggeris*.

<http://myschoolnet.ppk.kpm.my/arkib/a-berita/27aug01.htm> : 20/02/2004.

Uma Sakaran (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*

(2nd ed.). New York: John Wiley & Sons, Inc.

Villa, R.A., Thousand, J.S., Chapple, J.W. (1996). *Preparing Teachers To Support Inclusion Preservice and Inservice Programmer*. Theory and Practice. Vol.35 : 43-50.

Wiersma, W. (1995). *Research Methodological in Education*. 5th ed. New York : Printice Hall.

Winzer, M.A. (1998). *The Inclusion Movement and Teacher Change: Where Are The Limits?* McGill Journal of Education. Vol.17 : 225-265.

Yell, M.L. (1998). *The Law and Special Education*. Upper Saddle River, New Jersey 07458 ; Prentice – Hall Inc.

Zaidatun Tasir & M. Salleh Abu (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows*. UTM : Venton Publishing.



PTAA UTM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH